

Bab 3

BAB 3

ANALISIS DATA

3.0 Pendahuluan

Dalam bab ini perbincangan difokuskan kepada analisis terhadap data-data yang dikumpulkan dalam beberapa bentuk kajian. Kajian utama penulis adalah melibatkan 80 orang pelajar tingkatan satu, dua dan tiga dari tiga buah sekolah yang berbeza sistem pembelajaran. Namun begitu, pelajar-pelajar ini diwajibkan mengambil mata pelajaran bahasa Arab dalam peperiksaan. Mereka didedahkan dengan bahasa Arab bermula di tingkatan satu.

Pelajar-pelajar tersebut dikehendaki membaca ayat 174 hingga 178 dari surah al-A'raf (الْأَعْرَافُ) dan ayat 1 hingga 5 dari surah al Mu'minūn (المُّمِنُونَ). Sebutan dan bacaan mereka didengar dan diperhatikan sendiri oleh penulis. Hasil rakaman, penulis meneliti kesilapan sebutan yang dilafazkan oleh pelajar. Kesilapan dan kelemahan pelajar dapat dikenal dengan jelas berpandukan data-data yang dibuat dalam bentuk jadual serta maklumat dan huraian yang dibuat selepasnya.

Dalam melengkapkan lagi hasil kajian utama, penulis membuat beberapa kajian lain dengan cara menemubual 15 orang pelajar yang dipilih secara rawak, 5 orang mewakili setiap sekolah yang telah difokuskan. Penulis mencatat setiap maklumat yang diberikan hasil dari soalan yang diajukan kepada mereka.

Pelajar-pelajar juga diminta menjawab soalan-soalan bertulis. Penulis sendiri mengendalikan proses ini agar jawapan yang dibuat oleh pelajar adalah tepat dan tidak berdasarkan pandangan serta maklumat dari orang lain.

Penulis merasakan maklumat yang diterima tidak begitu padat sekiranya tidak berjumpa sendiri dengan guru-guru yang mengendalikan kelas al-Quran. Penulis sempat menemuramah 6 orang tok guru al-Quran di tiga buah kampung bagi mengambil maklumat tentang kemampuan pelajar menyebut ayat-ayat suci, teknik pengajaran yang dijalankan, minat pelajar-pelajar yang mengikuti kelas tersebut dan masa kelas al-Quran berjalan. Penulis berpendapat bahawa, maklumat ini penting kerana proses perolehan al-Quran rata-ratanya bermula dari guru-guru al-Quran (Tok Guru) di kampung. Mereka ini adalah golongan yang diagongkan oleh ibubapa suatu ketika dahulu. Di samping itu, penulis juga mendapatkan pandangan dan komenter dari guru-guru al-Quran di sekolah-sekolah. Di pusat-pusat pengajian al-Quran penulis membuat pemerhatian dan mengambil maklumat-maklumat berkaitan.

Terakhirnya penulis menemuramah ibubapa bagi mendapatkan maklumat tambahan. Persoalan dititikberatkan terhadap peranan dan tanggungjawab ibubapa, tumpuan ibubapa terhadap pengajian al-Quran anak-anak dan amalan ibubapa dalam mempengaruhi tabiat anak-anak. Penulis berbangga terhadap kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat. Ini kerana setiap persoalan yang dikemukakan disusuli dengan jawapan yang ikhlas. Jawapan yang tepat menghasilkan kajian yang berkesan.

3.1 Analisis Aspek Kesilapan Sebutan

Hasil sebutan bahasa al-Quran dari 80 orang pelajar, dapatlah dirumuskan bahawa kemampuan pelajar berbeza mengikut bidang pengajian masing-masing. Kemahiran dan kelemahan pelajar bolehlah dibuat dalam dua kumpulan. Pertama, kumpulan pelajar yang sentiasa didedahkan dengan bahasa al-Quran serta kaedah membacanya. Kedua, kumpulan pelajar yang mempelajari al-Quran secara sampingan. Pada peringkat awal penulis ingin membuat tiga ketegori pelajar berdasarkan tiga jenis sistem pembelajaran tetapi setelah kajian dibuat penulis dapat kemampuan pelajar kumpulan kedua adalah hampir sama. Akhirnya penulis terpaksa menggabungkan antara 2 buah sekolah yang berbeza aliran pengajian iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Machang dan Sekolah Menengah Arab Ugama Nurul Iftifaq. Jadual 3.1 menunjukkan graf kemampuan pelajar yang dibuat oleh penulis berdasarkan kepada enam tahap. Jadual 3.2 dan 3.3 pula menunjukkan tahap pencapaian pelajar mengikut kumpulan yang telah ditetapkan.

Jadual 3.1

(Graf kemampuan pelajar berdasarkan kepada 6 tahap)

| Bil | Tahap | Kenyataan |
|------------|--------------|---|
| 1 | Cemerlang | Tiada kesalahan |
| 2 | Amat Baik | 1,2 dan 3 kesalahan |
| 3 | Baik | 4,5 dan 6 kesalahan |
| 4 | Sederhana | 7,8 dan 9 kesalahan |
| 5 | Lemah | 10,11 Dan 12 kesalahan |
| 6 | Amat Lemah | 13 kesalahan dan ke atas serta tidak kenal huruf. |

Jadual 3.2

(Tahap pencapaian pelajar kumpulan pertama)

Sekolah Maahad Tahfiz Al-Quran

| Bil | Tahap | Jumlah Pelajar | % |
|---------------|------------|----------------|--------------|
| 1 | Cemerlang | 16 | 40 % |
| 2 | Amat Baik | 24 | 60 % |
| 3 | Baik | 0 | 0 % |
| 4 | Sederhana | 0 | 0 % |
| 5 | Lemah | 0 | 0 % |
| 6 | Amat Lemah | 0 | 0 % |
| Jumlah | | 40 | 100 % |

Jadual 3.3

(Tahap pencapaian pelajar kumpulan kedua)

Sekolah Menengah Kebangsaan Machang Dan

Sekolah Menengah Ugama Arab Nurul Iftiqaq

| Bil | Tahap | Jumlah | % |
|---------------|------------|-----------|--------------|
| 1 | Cemerlang | 1 | 2.5 % |
| 2 | Amat Baik | 3 | 7.5 % |
| 3 | Baik | 6 | 15 % |
| 4 | Sederhana | 8 | 20 % |
| 5 | Lemah | 6 | 15 % |
| 6 | Amat Lemah | 16 | 40 % |
| Jumlah | | 40 | 100 % |

Jadual 3.2 menyatakan bahawa kumpulan pertama menunjukkan kemampuan yang menggalakkan. 40 % iaitu 16 pelajar dari kumpulan ini berada di tahap yang cemerlang dan 60% iaitu 24 pelajar berada di tahap amat baik dan tiada seorang pun berada di bawah dua tahap tersebut. Ini menunjukkan bahawa, kesan pembelajaran bahasa al-Quran secara berterusan merubah kemampuan dan keupayaan pelajar terhadap sebutan bahasa al-Quran seperti mana yang berlaku di Maahad Tahfiz Al-Quran.

Kumpulan kedua seperti dalam jadual 3.3 menunjukkan bahawa kesilapan terlalu banyak telah dilakukan oleh pelajar. Pelajar yang berada di tahap amat lemah adalah golongan yang paling ramai iaitu 16 orang atau 40%, berbanding dengan yang berada di tahap cemerlang 1 orang iaitu 2.5%, amat baik 3 orang atau 7.5%, baik 6 orang atau 15%, sederhana 8 orang atau 20% dan lemah 6 orang atau 15%. Sesetengah kesilapan yang berlaku disedari apabila ulangan sebutan dibuat.

Pencapaian pelajar seperti mana jadual 3.2 dan 3.3 adalah berdasarkan kepada enam aspek utama kesilapan berikut :-

1. Kesilapan Sifat Dan *Makhraj* Huruf
2. Kesilapan Bertukar Huruf
3. Kesilapan Panjang Pendek Perkataan
4. Kesilapan Bertukar Baris
5. Kesilapan Menambah Huruf
6. Kesilapan Membuang Huruf

Di samping kesilapan seperti di atas banyak lagi kesilapan yang dilakukan oleh pelajar terutamanya dari kumpulan kedua. Kesilapan lain termasuk hukum- hukum

tajwid seperti *izhār*, *iqlāh*, *ikhfā'*, *idghām*, Hukum- hukum *mad*, *waqaf* dan *ibtidā'*, *saktat*, *imālat* dan lain- lain. Penulis tidak memberi tumpuan terhadap kesilapan- kesilapan ini kerana jumlah pelajar yang melakukannya adalah ramai, iaitu 100 % dari kumpulan kedua dan beberapa orang dari kumpulan pertama. 80% pelajar dari kumpulan kedua seolah- olah mereka tidak mengetahui langsung hukum- hukum *tajwid* seperti yang dinyatakan di atas berbanding dengan kumpulan pertama. Kesilapan pelajar kumpulan pertama adalah disebabkan tersasul dan gopoh, mereka mengetahui mengenai hukum- hukum *tajwid*.

Jadual 3.4

(Kesilapan secara umum)

Kumpulan Pertama : Maahad Tahfiz Al-Quran

| Bil | Jenis Kesalahan | Jumlah | Peratus |
|--------|--|--------|---------|
| 1 | Kesilapan Sifat Huruf dan <i>Makhraj</i> | 16 | 42.11 % |
| 2 | Kesilapan Bertukar Huruf | 0 | 0 % |
| 3 | Kesilapan Panjang Pendek Perkataan | 10 | 26.32 % |
| 4 | Kesilapan Bertukar Baris | 8 | 21.05 % |
| 5 | Kesilapan Menambah Huruf | 4 | 10.53 % |
| 6 | Kesilapan Membuang Huruf | 0 | 0 % |
| Jumlah | | 38 | 100 |

Dalam jadual 3.4, kita dapat lihat kesilapan terbanyak yang dilakukan oleh kumpulan pertama ialah dari segi sifat dan *makhraj* huruf iaitu 42.11%, di mana 16

kesalahan telah dilakukan oleh 10 orang pelajar. Kesilapan kedua terbanyak iaitu sebutan panjang pendek perkataan, sebanyak 10 kesalahan iaitu 26.32%, juga dilakukan oleh 10 orang pelajar. Seterusnya kesilapan bertukar baris 8 kesilapan iaitu 21.05%, dilakukan oleh 8 orang pelajar. Kesilapan terakhir dilakukan oleh kumpulan ini ialah menambah huruf, 4 kesilapan iaitu 10.53% dilakukan oleh 4 orang pelajar.

Jadual 3.5
(Kesilapan secara umum)

**Kumpulan Kedua : Sekolah Menengah Kebangsaan Machang Dan Sekolah
 Menengah Ugama Arab Nurul Iftiqaq**

| Bil | Jenis Kesalahan | Jumlah | Peratus |
|---------------|--|------------|--------------|
| 1 | Kesilapan Sifat Huruf Dan <i>Makhraj</i> | 82 | 19.20 % |
| 2 | Kesilapan Bertukar Huruf | 77 | 18.03 % |
| 3 | Kesilapan Panjang Pendek Perkataan | 125 | 29.27 % |
| 4 | Kesilapan Bertukar Baris | 66 | 15.46 % |
| 5 | Kesilapan Menambah Huruf | 29 | 6.79 % |
| 6 | Kesilapan Membuang Huruf | 48 | 11.24 % |
| Jumlah | | 427 | 100 % |

Jadual di atas menunjukkan bahawa kesilapan dari segi menyebut panjang dan pendek perkataan adalah kesilapan terbanyak yang telah dilakukan oleh pelajar kumpulan kedua, iaitu 125 kesilapan atau 29.27% dari 427 kesilapan yang berlaku. Kesilapan kedua terbesar adalah mengenai sifat dan *makhraj* huruf, sebanyak 82

kesilapan telah dilakukan iaitu 19.20%. Diikuti kesilapan bertukar huruf, 77 kesilapan iaitu 18.03%. Kesilapan bertukar baris 66 kesilapan atau 15.46%. Kesilapan membuang huruf 48 atau 11.24% dan kesilapan terkecil ialah kesilapan menambah huruf 29 atau 6.79%.

3.1.1 Kesilapan Sifat Huruf Dan Makhraj

Jadual 3.6

(Kesilapan sifat huruf dan *makhraj*)

| Perkara | Kumpulan Pertama | Kumpulan Kedua |
|----------------------------------|------------------|----------------|
| Pelajar yang diuji | 40 | 40 |
| Pelajar yang melakukan kesilapan | 10 | 28 |
| Jumlah kesilapan | 16 | 82 |
| Peratus kesilapan | 16.33 % | 83.67% |
| Purata kesilapan | 2 | 3 |

Dalam jadual di atas dapat kita lihat perbezaan yang ketara antara dua kumpulan terhadap kesilapan dari segi sifat dan *makhraj* huruf, di mana 98 kesilapan telah dilakukan. 16 atau 16.33% kesilapan dilakukan oleh kumpulan pertama, merupakan kesilapan terbanyak dalam kumpulan ini iaitu 42.11% dari jumlah kesilapan yang dilakukan. Berbanding 82 kesilapan iaitu 83.67% yang telah dilakukan oleh kumpulan kedua adalah merupakan kesilapan kedua terbanyak selepas kesilapan panjang pendek perkataan iaitu 125 kesilapan atau 29.27% dari jumlah kesilapan yang dilakukan.

Jika dilihat dari segi kesilapan bagi kedua-dua kumpulan ini, kita akan dapati sebanyak 98 kesilapan telah dilakukan, hanya 16.33% atau 16 kesilapan dilakukan oleh kumpulan pertama dan 83.67% atau 82 kesilapan telah dilakukan oleh kumpulan kedua. Selain dari itu kita dapati hanya 10 orang pelajar daripada kumpulan pertama yang melakukan kesilapan berbanding dengan kumpulan kedua, di mana seramai 28 orang telah melakukan kesilapan. Setiap pelajar yang melakukan kesilapan secara puratanya melakukan 3 kesilapan.

Jadual 3.7

(Contoh kesilapan sifat huruf dan *makhraj Hamzat (﴿)*)

| Perkataan Asal | Perkataan yang disebut | Huruf yang telah disebut |
|----------------|------------------------|--------------------------|
| يَأْتُوا | يَعْتَوَا | |
| أُو | عَوْ | |
| تَعْمِنُونَ | تَعْمِنُونَ | |
| نَبَعَ | نَبَعَ | |
| مُؤْمِنَينَ | مُعْمِنَينَ | ع |
| شَعْنَا | شَعْنَا | |
| عَبْدًا | عَبْدًا | |
| فَعَتَبَهُ | فَعَتَبَهُ | |
| مَعَةٌ | مَعَةٌ | |
| بَعْرَبَةٌ | بَعْرَبَةٌ | |
| شَطْنَا | شَطْنَا | ظ |
| رَقْفَةٌ | رَقْفَةٌ | ق |
| يَكْنِونَ | يَكْنِونَ | ك |

Dalam jadual 3.7, kita dapati huruf *Hamzat* (﴿) adalah huruf yang paling utama pelajar melakukan kesilapan. Dari 38 pelajar yang melakukan kesilapan dari segi sifat dan *makhraj* huruf, 15 orang pelajar telah silap ketika menyebut huruf ini, kesemuanya adalah dari kumpulan kedua. Dari 15 pelajar tersebut 10 pelajar telah menyebut huruf *Hamzat* (﴿) dengan huruf *'Aīn* (ئ). Semua perkataan yang mengandungi huruf *Hamzat* (﴿) telah disebut dengan huruf *'Aīn* (ئ). Masing-masing 1 orang dengan huruf *Zā'* (ظ) dan huruf *Qāf* (ق) dan 2 orang dengan huruf *Kāf* (ك).

Para pelajar sebenarnya keliru dengan sifat dan *makhraj* huruf *'Aīn* (ئ), *Zā'* (ظ), *Qāf* (ق) dan *Kāf* (ك). Kekeliruan dua huruf ini iaitu huruf *Hamzat* (﴿) dan huruf *'Aīn* (ئ) kerana kedua-duanya mempunyai persamaan pada *makhraj*, iaitu terbit dari kawasan halkum. Apa yang berbeza hanyalah, huruf *'Aīn* (ئ) terbit dari tengah-tengah halkum, disebut dengan cara melepaskan semua laluan suara atau bersifat *tawassuṭ* (تَوْسِطٌ), sementara huruf *Hamzat* (﴿) terbit dari pangkal halkum, dibunyikan dengan cara merendahkan lidah semasa menyebutnya atau bersifat *istifāl* (إِسْتِفَالٌ). Keadaan ini menyebabkan pelajar sukar untuk membuat perbezaan dan pertukaran dari sebutan yang biasa mereka sebut sebelum ini. Latihan secara intensif perlu dibuat dan pelaksanaannya hendaklah secara *talaqqī*.

Sementara huruf *Zā'* (ظ), *Qāf* (ق) dan *Kāf* (ك), semuanya terbit dari kawasan lidah. Kesamaan dengan huruf *Hamzat* (ه) sepatutnya tidak berlaku kerana perbezaannya amat jelas. Kalau diperhatikan, *makhraj* tiga huruf ini adalah dari kawasan lidah berbeza dengan huruf *Hamzat* (ه) *makhrajnya* adalah dari halkum. Penulis yakin bahawa, kesilapan ini berlaku kerana kurang perhatian pelajar dalam menyebut huruf- huruf al-Quran dan kegagalan pelajar menjadikan al-Quran sebagai bahan bacaan harian mereka.

Yang pasti, akibat kesilapan yang telah biasa dilakukan dan tidak mendapat penjelasan tentang kesilapan, akhirnya menjadi satu amalan yang sukar dibaiki dan diperbetulkan lagi. Apa yang dibimbangkan ialah kesilapan sebutan sudah semestinya merubah makna dan kehendak sebenar ayat- ayat suci al-Quran. Sebagai contoh:-

أَبْدًا bererti selamanya عَبْدًا bererti hamba

نَبَأً bererti berita تَبَعًّ bererti terbit / sumber

Walau bagaimana pun, terdapat perkataan yang disebut dengan huruf yang berlainan tidak memberi perubahan makna yang ketara.

Contohnya :- فَحَصَنْ بَحَثْ .

Kedua- dua perkataan ini memberi erti mencari atau mengkaji.

Seterusnya kesilapan sebutan sifat dan *makhraj* huruf yang kedua terbanyak telah pelajar lakukan ialah huruf *Qāf* (ق) dan *Kāf* (ك). Contoh bagi kesilapan sebutan huruf *Qāf* (ق) adalah seperti berikut :-

Jadual 3.8

(Contoh kesilapan sifat huruf dan *makhraj Qāf* (ق))

| Perkataan Asal | Perkataan yang disebut | Huruf yang telah disebut |
|----------------|------------------------|--------------------------|
| فَصَصَ | كَفَصَ | |
| تَقْبِلُوا | تَكْبِلُوا | ك |
| وَقْوَمٌ | كَوْمٌ | |
| فَاقْصِصِ | فَاصْصِ | ف |

Pelajar-pelajar keliru antara bunyi huruf *Qāf* (ق) dengan bunyi huruf *Kāf* (ك). Kekeliruan ini kerana kedua-dua huruf ini sama-sama terbit dari kawasan lidah, iaitu terletak antara pangkal lidah dan lelangit yang bersetentangan dengannya, cuma *makhraj* huruf *Qāf* (ق) ke dalam atau ke belakang sedikit daripada *makhraj* *Kāf* (ك). Kesilapan antara huruf *Qāf* (ق) dan *Kāf* (ك) juga boleh terjadi di kalangan pelajar Melayu disebabkan oleh huruf *Qāf* (ق) jarang digunakan oleh rakyat Malaysia. Kewujudan huruf ini hanyalah hasil pemerolehan bahasa Melayu dari *kalimat-kalimat* Arab, sebagai contoh perkataan qiblat (قبلة) yang telah digunakan dalam bahasa Melayu. Oleh yang demikian, pelajar menyamakannya dengan huruf "K". Terdapat juga pelajar yang keliru antara huruf *Qāf* (ق) dengan huruf *Hamzat* (ه), tetapi kesilapan ini tidaklah begitu ketara. Kesilapan ini boleh diperbetulkan dengan mudah setelah mereka yang melakukan kesilapan diberi pendedahan. Penulis sendiri membetulkan keadaan ini dan tidak menghadapi

sebarang masalah kecuali terhadap pelajar dari Kuala Lumpur dan Selangor. Pelajar dari dua buah negeri ini terlalu susah untuk membiasakan dengan sebutan yang betul. Seramai 8 orang bertukar huruf *Qāf* (ق) dengan *Kāf* (ك) dan 2 orang bertukar dengan huruf *Hamzat* (ه)

Begitu juga dengan huruf huruf *Kāf* (ك), para pelajar yang tidak diberi pendedahan menyebut sebaliknya. Seramai 9 orang menyebut *Kāf* (ك) dengan *Qāf* (ق) dan 4 orang menyebut dengan huruf *Hamzat* (ه). Antara contoh kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ialah seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 3.9

(Contoh kesilapan sifat huruf dan *makhraj Kāf* (ك))

| Perkataan Asal | Perkataan yang disebut | Huruf yang telah disebut |
|----------------|------------------------|--------------------------|
| كُلْ | قُلْ | |
| مُشْرِكَةٌ | مُشْرِقَةٌ | ق |
| الْكَلْبُ | الْقَلْبُ | |
| تَنْزِيْكَهُ | تَنْزِيْهُ | ه |

Kekeliruan antara huruf *Qāf* (ق), *Kāf* (ك) dengan huruf *Hamzat* (ه) walaupun sedikit, namun kekeliruan ini sukar diatasi sekiranya pelajar tidak diberi pendedahan tentang perbezaannya yang jelas.

Hasil pemerhatian yang dibuat oleh penulis, Kebanyakan kesilapan dilakukan oleh pelajar Selangor. Kesilapan pelajar-pelajar Selangor sukar diperbetulkan. Satu perkara yang menghairankan penulis ialah kesilapan ini terlalu mudah dibaiki sekiranya huruf *Qāf* (ق) dan *Kāf* (ك) ini berbaris di atas (فتحة), hadapan (ضمة) dan di bawah (كسرة) . Keadaan berlaku sebaliknya sekiranya kedua-dua huruf itu berbaris mati (سکون). Penulis cuba mendapatkan faktor sebenar di atas masalah ini, tapi tiada jawapan yang diberikan oleh pelajar. Apa yang dinyatakan ialah kerana sudah biasa dengan keadaan sedemikian.

Seterusnya ialah huruf *Dhāl* (ذ), pelajar keliru dengan *makhraj* dan sifat *Zā'* (ظ) dan *Zai* (ز). Contoh – contoh kesilapan huruf ini dapat kita lihat dalam jadual di bawah.

Jadual 3.10

(Contoh kesilapan sifat huruf dan *makhraj* *Dhāl* (ذ))

| Perkataan Asal | Perkataan yang disebut | Huruf yang telah disebut |
|----------------|------------------------|--------------------------|
| الذى | الزى | ز |
| كَنْبُوا | كَرْبُوا | |
| الذى | الظى | ظ |

Kesilapan terjadi kerana ketiga-tiga huruf tersebut mempunyai persamaan pada kawasan terbit huruf iaitu dari kawasan lidah. Huruf *Dhāl* (ذ) dan *Zā'* (ظ) sama-sama terletak antara hujung lidah dan dua gigi hadapan sebelah atas, manakala

huruf *Zai* (ز) terletak di hujung lidah ketika ia berada di antara gigi hadapan sebelah atas dan sebelah bawah. Kesilapan lebih kerap berlaku antara huruf *Dhāl* (ذ) dan huruf *Zai* (ز). Di samping terdapat persamaan dari segi sifat dan *makhraj*, kesilapan juga berlaku disebabkan pelajar menyamakan bunyi ketiga- tiga huruf ini dengan bunyi “z” dalam bahasa Malaysia. 4 orang pelajar menyebut huruf ini dengan *Zai* (ز) dan 1 orang bertukar dengan huruf *Zā’* (ظ).

Bagi huruf *Syīn* (ش) kesilapan bertukar sifat dan *makhraj* huruf hanya dengan *Siñ* (س). Kedua-dua huruf ini juga terbit dari kawasan lidah. Bagi huruf *Syīn* (ش) ianya terletak di tengah- tengah lidah dan lelangit yang bersetentangan dengannya. Manakala huruf *Siñ* (س) sama dengan huruf *Dhāl* (ذ). Pelajar lebih suka menyebut *Siñ* (س) dari *Syīn* (ش) kerana huruf *Siñ* (س) disamakan dengan huruf “S” dalam bahasa Malaysia. Contohnya salam, selawat. Terdapat 9 orang pelajar telah melakukan kesilapan ini. Contoh- contoh kesilapan dapat dilihat dalam jadual di bawah.

Jadual 3.11

(Contoh kesilapan sifat huruf dan *makhraj* *Syīn* (ش))

| Perkataan Asal | Perkataan yang disebut | Huruf yang telah disebut |
|----------------|------------------------|--------------------------|
| وَلِيَسْهُدُ | وليسهد | |
| مُشْرِكَةٌ | مشركَة | |
| مُشْرِكَوَا | مشركوا | س |

Bagi huruf *Tā'* (ت) pula pelajar menyebut dengan bunyi huruf *Zā'* (ظ).

Kedua-dua huruf ini terletak antara hujung lidah bahagian atas dan pangkal gigi hadapan sebelah atas. Cuma huruf *Tā'* (ت) bersifat licin dan nipis sementara huruf *Zā'* (ظ) bersifat tebal, jelas, tinggi dan kemas. Kesilapan ini hanya dilakukan oleh 2 orang pelajar sahaja. Ini menunjukkan bahawa kesamaran huruf ini tidak begitu ketara. Faktor utama kesamaran ini berlaku adalah kerana huruf *Tā'* (ت) tidak digunakan dalam bahasa Malaysia sedangkan huruf *Zā'* (ظ) digunakan sepenuhnya, malah huruf *Tā'* (ت) dan huruf *Tā'* (ت) disamakan dengan huruf "t" tanpa ada perbezaan. Contohnya طاعة ditulis taat dan تاهون ditulis tahun.

Jadual 3.12

(Contoh kesilapan sifat huruf dan *makhraj Tā'* (ت))

| Perkataan Asal | Perkataan yang disebut | Huruf yang telah disebut |
|--------------------------------------|--------------------------------------|--------------------------|
| وَاتَّبَعَ رَقْبَةَ نَقْطَلُوا | وَاطَّبَعَ رَقْبَةَ نَقْطَلُوا | ظ |

Sepertimana huruf *Zai* (ز) ada yang menyebut dengan bunyi huruf *Zā'* (ظ).

begitu juga huruf *Zā'* (ظ) ada pelajar yang menyebut dengan bunyi huruf *Zai* (ز) dan *Dhāl* (ذ). Pelajar yang melakukan kesilapan ini hanyalah 3 orang sahaja. Contoh kesilapan seperti jadual di berikut.

Jadual 3.13

(Contoh kesilapan sifat huruf dan *makhraj Zā'* (ظ))

| Perkataan Asal | Perkataan yang disebut | Huruf yang telah disebut |
|----------------|------------------------|--------------------------|
| يَظْلِمُونَ | يَنْلِمُونَ | ذ |
| يَظْلِمُونَ | يَزْلِمُونَ | ز |

Jadual 3.14 pula menunjukkan bahawa, huruf *'Aīn* (ع) mudah disebut oleh para pelajar dan mereka tidak melakukan kesilapan ketika menyebutnya kecuali salah 1 orang, berbanding dengan huruf *Hamzat* (ء) yang mana para pelajar keliru dengan huruf *'Aīn* (ع), *Zā'* (ظ), *Qāf* (ق) dan *Kāf* (ك). Keadaan ini telah dijelaskan pada sebutan huruf *Hamzat*. Huruf *'Aīn* (ع) telah disebut dengan huruf *Hamzat* (ء) di dua tempat oleh seorang pelajar.

Jadual 3.14

(Contoh kesilapan sifat huruf dan *makhraj 'Aīn* (ع))

| Perkataan Asal | Perkataan yang disebut | Huruf yang telah disebut |
|----------------|------------------------|--------------------------|
| عَلَيْهِمْ | أَلَيْهِمْ | |
| لَرْفَعَنَا | لَرْفَاعَنَا | ء |

Bagi huruf *Khā'* (خ) seorang pelajar telah membuat kesilapan, di mana huruf tersebut di sebut dengan huruf *Ghīn* (غ). Kesamaran ini terjadi akibat dari persamaan yang ada pada kedua- dua huruf ini, iaitu *makhrajnya* dari kawasan halkum dan cara membunyikan kedua- dua huruf ini ialah dengan cara mengangkat

pangkal lidah ke arah anak tekak menyebabkan laluan udara menjadi sempit. Perbezaannya ialah makhraj huruf *Għiñ* (غ) jauh ke belakang dari rongga mulut menyebabkan lahir bunyi yang bersifat jelas, sedangkan *Khā'* (خ) bersifat lemah lembut. Jadual di bawah menunjukkan contoh kesilapan tersebut.

Jadual 3.15

(Contoh kesilapan sifat huruf dan *makhraj Khā'* (خ))

| Perkataan Asal | Perkataan yang disebut | Huruf yang telah disebut |
|----------------|------------------------|--------------------------|
| خاسرونَ | غاسرونَ | غ |

Kemampuan pelajar ketika menyebut huruf *Sīn* (س) adalah baik. Dari 80 pelajar yang diuji hanya seorang sahaja silap menyebutnya. Huruf *Sīn* (س) telah disebut dengan bunyi huruf *Syīn* (ش), kenyataannya seperti yang telah penulis jelaskan ketika pelajar menyebut huruf *Syīn* (ش). Satu contoh kesilapan dapat kita lihat dalam jadual di bawah.

Jadual 3.16

(Contoh kesilapan sifat huruf dan *makhraj Sīn* (س))

| Perkataan Asal | Perkataan yang disebut | Huruf yang telah disebut |
|----------------|------------------------|--------------------------|
| ساعَ | شاعَ | ش |

Bagi huruf *Sād* (س) ianya mempunyai persamaan dengan huruf *Shīn* (ش).

Kedua-dua huruf ini terbit dari kawasan lidah. Bunyi huruf *Sād* (س) terhasil apabila lidah yang melengkong dengan dua tepinya rapat ke gusi atas yang bersetentangan dengannya dan bahagian hujungnya hampir mencecah gigi hadapan sebelah atas. Bagi bunyi huruf *Shīn* (ش) pula berlaku dengan cara mengangkat hujung lidah sehingga hampir mencecah pangkal gigi hadapan sebelah atas. Laluan udara ketika membunyi kedua-dua huruf ini tidak melibatkan getaran pita suara. Akibat persamaan tersebut seorang pelajar tersalah sebut huruf *Sād* (س) dengan huruf *Shīn* (ش). Satu contoh kesalahan ini dapat kita lihat dalam jadual di bawah.

Jadual 3.17

(Contoh kesilapan sifat huruf dan *makhraj Sād* (س))

| Perkataan Asal | Perkataan yang disebut | Huruf yang telah disebut |
|----------------|------------------------|--------------------------|
| أَصْلَحُوا | أَسْلَحُوا | ش |

Kekeliruan menyebut huruf *Dād* (ض) di kalangan pelajar juga berlaku.

Huruf *Dād* (ض) telah disebut dengan bunyi huruf *Dāl* (د). Kesilapan ini berlaku kerana persamaan *makhraj* kedua-dua huruf ini, iaitu di kawasan lidah. Apa yang membezakan adalah cara menyebut huruf *Dāl* (د) ialah nipis dan dengan merapatkan hujung lidah ke pangkal gigi hadapan sebelah atas, sementara *Dād* (ض) disebut dengan tebal dan menghimpit lidah ke gigi atas yang bersetentang dengannya. Satu contoh kesilapan yang dilakukan oleh seorang pelajar seperti jadual 3.18.

Jadual 3.18

(Contoh kesilapan sifat huruf dan *makhraj Dād* (ض))

| Perkataan Asal | Perkataan yang disebut | Huruf yang telah disebut |
|----------------|------------------------|--------------------------|
| فَرِضْنَا هَا | فَرِدِنَا هَا | د |

Huruf *Ghīn* (غ) juga telah disebut dengan bunyi huruf *Khā'* (خ) oleh tiga orang pelajar. Kesamaran ini terjadi akibat dari persamaan yang ada pada kedua-dua huruf sepermula yang telah penulis jelaskan sebelum ini. Satu contoh kesilapan yang dilakukan seperti jadual 3.19 di bawah.

Jadual 3.19

(Contoh kesilapan sifat huruf dan *makhraj Ghīn* (غ))

| Perkataan Asal | Perkataan yang disebut | Huruf yang telah disebut |
|----------------|------------------------|--------------------------|
| غَاوِينَ | خَاوِينَ | خ |

Ketika menyebut huruf *Hā'* (ه) seperti contoh dalam jadual 3.20, semua pelajar iaitu 80 orang telah mewaqafkannya. Seorang pelajar telah membuat kesilapan ketika mewaqafkan huruf ini. Bunyi yang disebut adalah bunyi huruf *Hamzat* (ئ). Huruf *Hā'* (ه) dibunyikan dengan cara mengeluarkan udara dari paru-paru tanpa sebarang halangan dengan keadaan mulut terbuka. Bunyi yang dikeluarkan bersifat lembut dan licin. Huruf *Hamzat* (ئ) pula dibunyikan dengan cara menutup pita suara

dan menahan laluan udara buat seketika. Selepas itu dibuka sekiranya huruf tersebut berbaris. Contoh kesilapan seperti jadual 3.20 berikut.

Jadual 3.20

(Contoh kesilapan sifat huruf dan *makhraj Hā'* (ه))

| Perkataan Asal | Perkataan yang disebut | Huruf yang telah disebut |
|----------------|------------------------|--------------------------|
| هواه | هواه | ه |

3.1.2 Kesilapan Bertukar Huruf

Jadual 3.21

(Kesilapan Bertukar Huruf)

| Perkara | Kumpulan Pertama | Kumpulan Kedua |
|----------------------------------|------------------|----------------|
| Pelajar yang diuji | 40 | 40 |
| Pelajar yang melakukan kesilapan | 00 | 29 |
| Jumlah kesilapan | 00 | 77 |
| Peratus kesilapan | 00 % | 100% |
| Purata kesilapan | 00 | 3 |

Ketika membaca al- Quran didapati pelajar melakukan kesilapan yang tidak sepatutnya berlaku dengan agak ketara. Umumnya bertukar huruf ini berlaku antara huruf-huruf yang sama bentuk dan terdapat sedikit perbezaan.

Jadual 3.21 sekali lagi menyatakan perbezaan yang ketara antara pelajar kumpulan pertama dengan pelajar kumpulan kedua. Didapati 77 atau 18.03 % kesilapan bertukar huruf ini dilakukan oleh kumpulan kedua. 72.5% atau 29 pelajar dari 40 pelajar kumpulan kedua telah melakukan kesilapan. Purata kesilapan bagi setiap pelajar yang melakukan kesilapan ialah 3 kali.

Pelajar-pelajar melakukan kesilapan bertukar huruf bukan disebabkan oleh tidak mengenal huruf-huruf sepenuhnya, tetapi ini disebabkan oleh tahap tumpuan pelajar ketika membaca. Namun tidak dinafikan ada pelajar yang tidak kenal sebahagian dari huruf *hijaiyyat*. Ini dapat dilihat pada contoh kesilapan bertukar huruf yang tidak mempunyai sebarang persamaan, sebagai contoh bertukar antara huruf *Fā'* (ف) dengan huruf *Wau* (و). Berikut, jadual 3.22 yang dibuat untuk menjelaskan perkara ini.

Jadual 3.22

(Contoh kesilapan bertukar huruf)

| Perkataan Asal | Perkataan yang disebut | Huruf Asal | Huruf yang disebut |
|------------------|------------------------|------------|--------------------|
| أَخْلَدَ | أَجْلَدَ | | ج |
| فَانسَلَحَ | فَانسَلَحَ | خ | ح |
| لَا تَأْخُذُكُمْ | لَا تَأْخُذُكُمْ | | ح |
| نِيَّا | نِيَّا | | ب |
| نِيَّا | نِيَّا | ن | ت |
| أَنِيَّا | أَنِيَّا | | ت |
| الْمُحْصَنَاتِ | الْمُحْصَنَاتِ | ت | ث |

Jadual 3.22 , sambungan

| Perkataan Asal | Perkataan yang disebut | Huruf Asal | Huruf yang disebut |
|----------------|------------------------|------------|--------------------|
| يَقْبِلُوا | يَقْبِلُوا | ت | ن |
| جَلَدَهُ | جَلَدَهُ | ج | خ |
| فَاجْلَدُوا | فَاجْلَدُوا | | ح |
| فَرَضَنَاها | فَرَضَنَاها | ض | ص |
| فَرَضَنَاها | فَرَضَنَاها | | ظ |
| هَوَاهُ | هَوَاهُ | | ة |
| فَاتَّبَعَهُ | فَاتَّبَعَهُ | | ة |
| رَافَةٌ | رَافَةٌ | ا | |
| يَاتُوا | يَاتُوا | ء | ر |
| بِارْبُعَةٍ | بِارْبُعَهُ | ة | ه |
| ثُمَّ | ثُمَّ | ث | ت |
| وَاحِدٌ | وَاحِدٌ | ح | ج |
| فِي الدِّينِ | فِي الدِّينِ | د | ذ |
| عَذَابَهُمَا | عَذَابَهُمَا | ذ | د |
| فَاتَّبَعَهُ | فَاتَّبَعَهُ | ع | ح |
| لَمْ | لَوْ | م | و |
| وَأَصْلَحُوا | فَأَصْلَحُوا | و | ف |

Dari jadual 3.22 dapat kita perhatikan bahawa pelajar secara umumnya bertukar huruf kerana ada persamaan dari segi bentuk tulisan. Apa yang membezakan adalah dari segi titik-titik huruf.

Dari sesi mengenal huruf yang dibuat oleh penulis selepas pelajar-pelajar membaca ayat-ayat yang difokuskan dapatlah penulis membuat kesimpulan bahawa, dari jumlah pelajar yang melakukan kesilapan ini hanya 7 orang yang sememangnya sentiasa bertukar huruf-huruf yang mempunyai persamaan dari segi tulisan, 2 orang darinya terlalu lemah untuk membezakan. 22 pelajar lain yang melakukan kesilapan adalah disebabkan oleh kegopohan dan kesamaran pelajar ketika menyebut perkataan tersebut.

Dalam jadual di atas juga kita dapati pelajar bertukar huruf yang sememangnya tidak mempunyai persamaan. Contohnya huruf *Fā'* (ﻑ) dengan huruf *Wau* (و), huruf *Wau* (و) dengan huruf *Mīm* (م), *Hamzat* (ه) dengan huruf *Rā'* (ر) dan huruf *Zā'* (ظ) dengan huruf *Dād* (ض). Keadaan ini berlaku disebabkan oleh ketidakbiasaan pelajar membaca al-Quran sedangkan mereka mengenali huruf-huruf tersebut. Kesamaran tulisan juga menyebabkan berlaku kesilapan seperti huruf *Hā'* (ح) dengan huruf *'Aīn* (ع). Dua huruf tersebut terdapat sedikit persamaan ketika berada di tengah-tengah perkataan. Contoh bagi dua perkataan seperti berikut :-

فَاتَّبِعُ (فَاتَّبِعْ) dibaca dengan perkataan *فَاتَّبِعَ* (فَاتَّبِعْ).

3.1.3 Kesilapan Panjang Pendek Perkataan

Jadual 3.23
(Kesilapan panjang pendek perkataan)

| Perkara | Kumpulan Pertama | Kumpulan Kedua |
|----------------------------------|------------------|----------------|
| Pelajar yang diuji | 40 | 40 |
| Pelajar yang melakukan kesilapan | 10 | 35 |
| Jumlah kesilapan | 10 | 125 |
| Peratus kesilapan | 7.41 % | 92.59% |
| Purata kesilapan | 1 | 3 |

Kesilapan menyebut pendek bagi perkataan yang wajib dibaca dengan panjang dan sebaliknya adalah kesilapan yang dilakukan oleh sebahagian besar pelajar. Jika diperhatikan dalam jadual 3.23, 35 pelajar dalam kumpulan kedua telah melakukan kesilapan ini, 5 orang lagi yang berbaki juga melakukan kesilapan tetapi disedari dengan cepat dan segera membuat pembetulan dengan mengulangi bacaan. Bagi kumpulan pertama pula 10 orang pelajar melakukan kesilapan dan setiap seorang hanya melakukan satu kesilapan berbanding dengan kumpulan kedua, iaitu puratanya 3 kali kesilapan bagi setiap pelajar. Bacaan panjang dibaca dengan pendek seperti di jadual 3.24, manakala bacaan pendek dibaca dengan panjang di jadual 3.25.

Jadual 3.24

(Contoh kesilapan bacaan panjang dibaca dengan pendek)

| Perkataan asal | Perkataan yang dibaca |
|----------------|-----------------------|
| أَنْزَلْنَاهَا | أنزلنها |
| الرَّانِيَةُ | الرَّنِيَةُ |
| الرَّانِي | الرَّنِي |
| الْغَاوِينَ | الغَوِينَ |
| بَيْتَاتٌ | بيتَاتٌ |
| هَوَاهُ | هَوَهُ |
| شِنَانٌ | شِنَنَ |
| الْمَهْنَدِيُّ | المهندِيُّ |
| سُورَةٌ | سُرَةٌ |
| تَابِيُّوا | تابِيُّ |
| وَلَكَنْهُ، | ولَكَنْهُ |
| إِيَّاَتِ | إِيَّتِ |
| وَأَصْلَحُوا | وَأَصْلَحُ |
| فَمَثَلَهُ | فَمَثَلَهُ |
| فَكَانَا | فَكَانَ |
| أَتَيْنَاهُ | أَتَيْنَهُ |
| لَا | لَ |
| ثَمَانِينَ | ثَمَنِينَ |
| لَرْفَعَنَاهُ | لَرْفَعَنَهُ |

Jadual 3.25

(Contoh kesilapan bacaan pendek dibaca dengan panjang)

| Perkataan asal | Perkataan yang dibaca |
|----------------|-----------------------|
| نِيَاءٌ | نِيَاءٌ |
| فَكَانَ | فَكَانَا |
| وَلْكَهُوْ | وَلْكَهُوْ |
| مَثَلٌ | مَثَالٌ |
| هَوَاهُ | هَوَاهُ |
| يَاهَاتٍ | يَاهَاتٍ |
| فَأُولَذَكَ | فَأُولَذَكَ |
| مَائَةٌ | مَيَانَاهُ |
| بِارْبَعَةٍ | بِارْبَعَتِي |
| وَاتِّيَعٌ | وَاتِّيَاعٌ |
| تَذَكَرُونَ | تَذَاكِرُونَ |
| وَاتْلُونَ | وَاتْلُونَ |
| أَيَادِي | أَيَادِي |
| الْكَلِبِيِّ | الْكَلِبِيِّ |
| فَاقْصُوصِينَ | فَاقْصُوصِينَ |
| مُشَرِّيكَ | مُشَرِّيكَ |
| بِهِيمَا | بِهِيمَا |
| الْزَانِيَةُ | الْزَانِيَةُ |
| مُشَرِّيكَ | مُشَرِّيكَ |
| تَتَرْكَهُوْ | تَتَرْكَهُوْ |
| فَمَائِلَهُ | فَمَائِلَهُ |

Jadual 3.25 , sambungan

| Perkataan asal | Perkataan yang dibaca |
|----------------|-----------------------|
| الزَّانِيَةُ | الرِّانِيَةُ |
| الْقَصَاصُ | الْقَصَاصُ |
| يَنْكُحُ | يَنْكُحُ |
| مُحْسَنَاتٍ | مُحْسَنَاتٍ |

Tinjauan penulis mendapati bahawa pelajar kumpulan pertama memahami teknik penulisan yang dikenali dengan *al-Dabīt* seperti yang terdapat dalam rasm *'Uthmānī*. Kefahaman ini menyebabkan pelajar dapat membezakan hukum- hukum *mad* yang terdapat dalam ayat. Jumlah *harakat* yang perlu dibaca dapat dibezakan dengan mudah. Keadaan berbeza dengan kumpulan kedua yang majoritinya tidak dapat menghayati apa yang terdapat dalam al-Quran. Keadaan tersebut menyebabkan mereka tidak mampu untuk mengenali hukum- hukum *mad* yang berbeza. Akhirnya mereka salah dalam menyebut dan terpaksa mengigiti kaedah- kaedah melalui *ta'rifat mad- mad*. Satu kelemahan yang wujud dalam menghafal kaedah ialah kekeliruan ekoran istilah – istilah yang digunakan adalah banyak, lebih- lebih lagi jika lau tahap penggunaan dan tumpuan yang diberikan kepada program membaca al- Quran adalah kurang dan tidak mengikut jadual..

3.1.4 Kesilapan Bertukar Baris.

Jadual 3.26
(Kesilapan Bertukar Baris)

| Perkara | Kumpulan Pertama | Kumpulan Kedua |
|----------------------------------|------------------|----------------|
| Pelajar yang diuji | 40 | 40 |
| Pelajar yang melakukan kesilapan | 8 | 29 |
| Jumlah kesilapan | 8 | 66 |
| Peratus kesilapan | 10.81 % | 89.19% |
| Purata kesilapan | 1 | 2 |

Seperti apa yang telah diperkatakan sebelum ini tentang perbezaan antara dua kumpulan, kesilapan bertukar baris masih lagi menunjukkan tentang kecemerlangan kumpulan pertama. 8 kesalahan yang dilakukan adalah dari 8 orang pelajar kumpulan pertama berbanding dengan kumpulan kedua, 66 kesalahan dilakukan oleh 29 pelajar. Ini menunjukkan kelemahan ketara kumpulan kedua dalam semua aspek.

Masalah di atas tidak sepertutnya berlaku. Penulis mendapati bahawa semua pelajar yang melakukan kesilapan mengetahui simbol bacaan yang terdapat dalam al-Quran. Perkara penyebab terhadap masalah ini ialah bacaan terlalu gopoh, terketar-ketar kerana berhadapan dengan penulis dan yang paling utama ialah ketidakbiasaan pelajar dengan al-Quran.

Pelajar seharusnya berhati-hati ketika membaca al-Quran. Ini kerana kesilapan baris bagi perkataan sememangnya merubah makna perkataan tersebut dan tidak difahami. Dalam mencari faktor penyebab, penulis meminta pelajar yang banyak melakukan kesilapan tersebut membaca ayat al-Quran yang sering dibaca iaitu beberapa ayat dan surah dari juzu' 30. Penulis mendapati tiada kesalahan yang dilakukan. Keadaan ini menjelaskan bahawa, kebiasaan pelajar membaca al-Quran dapat membantu pelajar itu sendiri pada segenap segi. Contoh-contoh kesilapan dapat dilihat dalam jadual 3.27 berikut:-

Jadual 3.27

(Contoh kesilapan bertukar baris)

| Baris asal perkataan | Baris yang dibaca |
|----------------------|-------------------|
| فِتْلَهُ | فِتْلَهُ فِتْلَهُ |
| تَأْخِذُكُمْ | تَأْخِذُكُمْ |
| يُنْكِحُ | يُنْكِحُ |
| فَانْسَلَخَ | فَانْسَلَخُ |
| رَافَةٌ | رَافَةٌ |
| لِرَقْعَنَاهُ | لِرَقْعَنَاهُ |
| وَاتَّبَعَ | وَاتَّبَعَ |
| الْكَلْبُ | الْكَلْبُ |
| عَذَابُهُمَا | عَذَابُهُمَا |
| سُورَةً | سُورَةً |
| إِلَازَانِ | إِلَازَانِ |
| بِارْبَعَةِ | بِارْبَعَةِ |
| مَائَةً | مَائَةً |
| أَبَدًا | أَبَدًا |
| شَهَادَاءِ | شَهَادَاءِ |

Jadual 3.27, sambungan

| | |
|-------------------------------|-------------------------------|
| الْزَانِيَةُ | الْزَانِيَةُ |
| وَاصْلَحُوا | وَاصْلِحُوا |
| الْزَانِي | الْزَانِي |
| الْقُصَصُ | الْقُصَصُ |
| شَنَّا | شَنَّا |
| هُوَاهُ | هُوَاهُ |
| مَثُلٌ | مَثُلٌ |
| يَضَلُّ يُضَالُ | يَضَلُّ يُضَالُ |
| أَتَيْنَاهُ | أَتَيْنَاهُ |
| وَلِيُشَهِدَ وَلِيُشَهِدَ | وَلِيُشَهِدَ وَلِيُشَهِدَ |
| جَلَدَهُ | جَلَدَهُ جَلَدَهُ |
| فَانسَلَخَ | فَانسَلَخَ |
| الْمَحْصَنَاتُ الْمَحْصَنَاتُ | الْمَحْصَنَاتُ الْمَحْصَنَاتُ |

3.1.5 Kesilapan Menambah Huruf

Jadual 3.28

(Kesilapan menambah huruf)

| Perkara | Kumpulan Pertama | Kumpulan Kedua |
|----------------------------------|------------------|----------------|
| Pelajar yang diuji | 40 | 40 |
| Pelajar yang melakukan kesilapan | 4 | 20 |
| Jumlah kesilapan | 4 | 29 |
| Peratus kesilapan | 12.12% | 87.9% |
| Purata kesilapan | 1 | 2 |

Dalam jadual 3.28, didapati bahawa pelajar yang melakukan kesilapan menambah huruf *hijaiyyat* lain dalam satu perkataan adalah ramai, tetapi kekerapan yang dilakukan oleh pelajar adalah sedikit. Pelajar hanya melakukan antara satu dan dua kesilapan sahaja. Walau bagaimanapun, penambahan huruf ini sedikit sebanyak telah memberi kefahaman lain terhadap ayat yang dibaca. Mungkin dengan penambahan juga menyebabkan ayat-ayat yang dibaca tidak difahami. Punca utama kesilapan ini juga adalah seperti mana yang telah diperkatakan oleh penulis sebelum ini, iaitu terlalu gopoh dan tidak cermat ketika membaca. Jika diperhatikan kepada contoh-contoh di bawah, kesilapan yang berlaku dengan berlakunya pengulangan huruf yang hampir sama dan sama dengan huruf sebelumnya. Kesilapan juga berlaku dengan penambahan *sabdu* bagi huruf tersebut. Penambahan *sabdu* bererti penambahan satu huruf yang sama dalam perkataan tersebut. Contoh-contoh kesilapan dapat kita lihat dalam jadual 3.29.

Jadual 3.29

(Contoh kesilapan menambah huruf)

| Perkataan asal | Perkataan selepas ditambah huruf |
|-----------------------|----------------------------------|
| فِي دِينِ اللهِ | فِي الدِّينِ اللهِ |
| الرَّانِيَةُ | الرَّانِيَاتُ |
| الرَّانِيَةُ | الرَّانِيَةُ |
| الْغَاوُونَ | الْغَاوُرُونَ |
| سُورَةُ انْزَلْنَاهَا | سُورَةُ الْأَكْزَلْنَاهَا |
| هَوَاهُ | هَوَاهُهُ |
| الْمُهَدِّيُّ | الْمُهَدِّدُونَ |
| فَانْسَلَخَ | فَانْسَلَخَ |

Jadual 3.29, sambungan

| Perkataan asal | Perkataan selepas ditambah huruf |
|-----------------|----------------------------------|
| بِأَيْمَانِهِ | بِأَيْمَانَتِهِ |
| مَثَلًاً | مَثَلًاً |
| وَاحِدٌ | وَاحِدَةٌ |
| الَّذِينَ | الَّذِينِي |
| يَتَفَكَّرُونَ | يَتَنَفَّكُرُونَ |
| فَاجْلِدُوهُمْ | فَاجْلِدُوهُمْ |
| تَذَكَّرُونَ | تَتَذَكَّرُونَ |
| يَهْدِي اللَّهُ | يَهْدِيْنَ اللَّهِ |
| مُخْصَّسَاتٍ | مُخْصَّسَاتِ |
| لَهَا | لَهُمَا |

3.1.6 Kesilapan Membuang Huruf

Jadual 3.30

(Kesilapan Membuang Huruf)

| Perkara | Kumpulan Pertama | Kumpulan Kedua |
|----------------------------------|------------------|----------------|
| Pelajar yang diuji | 40 | 40 |
| Pelajar yang melakukan kesilapan | 00 | 24 |
| Jumlah kesilapan | 00 | 48 |
| Peratus kesilapan | 00% | 100% |
| Purata kesilapan | 0 | 2 |

Jadual 3.30 menunjukkan semua kesilapan dilakukan oleh pelajar dari kumpulan kedua. Jadual ini juga menunjukkan bahawa semua pelajar yang melakukan kesilapan menambah huruf melakukan kesilapan membuang huruf, hanya 5 pelajar dari 29 pelajar yang melakukan kesilapan menambah huruf tidak melakukan kesilapan membuang huruf. Purata kesilapan dalam jadual 3.30 ialah 2 kali. Kesilapan berlaku dengan membuang huruf akhir, membuang huruf yang sama, membuang *sabdu* (س) dan membuang huruf *Alif* (ا) dan *Lām* (ل) yang berada bersama dalam satu perkataan.

Dari contoh-contoh yang dapat kita perhatikan dalam jadual 3.31, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kesilapan sememangnya berlaku dan mudah berlaku jika tidak dibuat pemerhatian yang betul ketika membaca. Bagi kumpulan pertama yang sudah biasa dengan bacaan al-Quran, akan merasa keganjilan sekiranya ada huruf yang dibuang, keadaan menjadi lebih nyata apabila seseorang itu mahir dalam bahasa Arab. Ini kerana, membuang huruf akan menyebabkan perkataan itu tiada makna atau memberi makna yang lain. Contoh kesilapan sepetimana berikut :-

Jadual 3.31

(Contoh kesilapan membuang huruf)

| Perkataan asal | Perkataan yang dibuang huruf | Kenyataan |
|----------------|------------------------------|--|
| وَالْزَانِيَةُ | وَرَانِيَةُ | Dibuang huruf <i>Alif</i> (ا) dan <i>Lām</i> (ل) |
| فَانسَلَخَ | فَنسَلَخَ | Dibuang huruf <i>Alif</i> (ا) |
| تُنْكِهُ | تهُك | Dibuang huruf <i>Tā'</i> (ت) dan <i>Rā'</i> (ر) serta didahulukan huruf <i>Hā'</i> (ه) dari huruf <i>Kāf</i> (ك) |

Jadual 3.31, sambungan

| Perkataan asal | Perkataan yang dibuang huruf | Kenyataan |
|-----------------|------------------------------|--|
| أَنْزَلْنَاهَا | أَنْزَلَهَا | Dibuang huruf <i>Nīm</i> (ن) dan <i>Alif</i> (ا) |
| لَرْفَعَاهُ | لَرْفَنَاهُ | Dibuang huruf <i>Aīn</i> (ع) |
| كَذَبُوا | كَذَبُوا | Dibuang huruf <i>Dhāl</i> (ذ) |
| القصَصُ | القصَّ | Dibuang huruf <i>Ṣād</i> (ص) |
| فِي الدِّينِ | فِي دِينِ | Dibuang huruf <i>Alif</i> (ا) dan <i>Lām</i> (ل) |
| إِلَى الْأَرْضِ | إِلَى أَرْضِ | Dibuang huruf <i>Alif</i> (ا) dan <i>Lām</i> (ل) |
| وَفَرَضْنَاهَا | فَرَضْنَاهَا | Dibuang huruf <i>Wau</i> (و) |
| وَحْرَمْ ذَلِكَ | وَحْرَمْ ذَا | Dibuang huruf <i>Lām</i> (ل) dan <i>Kāf</i> (ك) |
| هَوَاهُ | هَوَا | Dibuang huruf <i>Hā'</i> (ه) |
| بِأَيْمَانِنَا | بِأَيَّاتِ | Dibuang huruf <i>Nūn</i> (ن) dan <i>Alif</i> (ا) |
| وَالرَّازِيَةُ | الرَّازِيَةُ | Dibuang huruf <i>Wau</i> (و) |
| شَهَدَاءُ | شَهَدا | Dibuang huruf <i>Hamza</i> (ء) |
| كَمَلَ | كَمَل | Dibuang huruf <i>Thā'</i> (ث) |
| يَتَكَبَّرُونَ | يَتَكَبُّونَ | Dibuang huruf <i>Fā'</i> (ف) dan <i>Rā'</i> (ر) |
| الْمُهَتَّدِيُّ | مُهَتَّدِي | Dibuang huruf <i>Alif</i> (ا) dan <i>Lām</i> (ل) |
| وَالرَّانِيُّ | وَرَنِي | Dibuang dua huruf <i>Alif</i> (ا) dan huruf <i>Lām</i> (ل) |
| الْدِينُ | دِين | Dibuang huruf <i>Alif</i> (ا), <i>Lām</i> (ل) dan <i>Yā'</i> (ي) |
| ثَمَانِينَ | ثَمَانِنَ | Dibuang huruf <i>Yā'</i> (ي) |

Kesimpulan dari analisis di atas, ternyata bahawa pembelajaran al-Quran secara berterusan dapat membantu pelajar menguasai al-Quran dengan baik sekali pun tidak disertai dengan minat dan kerana terpaksa atau dipaksa oleh orang lain.

Sesuatu itu apabila didedahkan dengan mendalam dan terperinci lambat laung akan terpancar dan melekat ke jiwa mereka yang mendengar.

Dari pengamatan penulis terhadap sebutan bahasa al-Quran oleh kumpulan kedua dari pelajar yang dijadikan sampel, banyak kesilapan yang perlu kepada langkah segera untuk mengatasinya. Di samping itu terdapat kesilapan yang tidak sepatutnya terjadi. Ini kerana mereka sudah didedahkan dengan sebutan huruf-huruf al-Quran melalui pembelajaran bahasa Arab di sekolah.

Selain daripada enam espek kesilapan yang telah dihuraikan di atas, banyak lagi kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Penulis pada mulanya ingin menganalisis jenis-jenis kesilapan lain, tetapi selepas ujian bacaan dibuat, penulis mendapati hampir semua pelajar dari kumpulan kedua telah melakukan kesilapan terhadap perkara yang dinyatakan di bawah. Mereka ini sememangnya tidak mampu untuk menjaga bacaan mereka dari kesilapan disebabkan oleh kejahilan mereka terhadap perkara tersebut. Keadaan ini berbeza dengan pelajar dalam kumpulan pertama, dimana hampir semua pelajar mampu untuk menjaga perkara berikut ketika membaca al-Quran. Kesilapan-kesilapan yang dilakukan sememangnya telah merubah struktur ayat, makna, *i'râb*, hukum-hukum *tajwîd* dan lain-lain. Perbezaan ketara antara kumpulan pertama dan kumpulan kedua juga dapat dilihat dari kesilapan-kesilapan lain yang dilakukan. Pelajar dari kumpulan pertama juga melakukan sedikit kesilapan lain, tapi kesilapan yang dibuat disedari segera selepas itu. Kesilapan ini berlaku kerana gopah dan tidak berhati-hati. Berbeza dengan pelajar dari kumpulan kedua. Kesilapan yang mereka lakukan hasil dari kejahilan dan kurang pengetahuan tentang *al-Dabî* dalam tulisan '*Uthmâni*'. Antara kesilapan-kesilapan lain yang dilakukan

oleh majoriti pelajar kumpulan dua ialah, kesilapan dari segi *waqaf* dan *ibtidā'*, hukum lima iaitu *izhār*, *iqlāh*, 2 bentuk *idghām* dan *ikhfā'*. Pelajar-pelajar dari kumpulan ini juga umumnya tidak mengetahui *Hamzat wasal* dan *qaṣa'*. Mereka juga tidak mahir dengan jenis-jenis *mad* yang terdapat dalam al-Quran.

Al-Quran yang ditulis dengan *al-Dabīt* dalam tulisan '*Uthmānī*' merupakan al-Quran yang digunakan oleh ramai pembaca muda sekarang. Ini terjadi kerana, tulisan itu sendiri telah membantu pembaca untuk membaca dengan mudah dan lancar. Berbeza dengan golongan tua yang ditemui oleh penulis, mereka lebih gemar membaca al-Quran tulisan *Bağhdādī* atau *Imlā'ī*. Ini kerana kebiasaan mereka dengan al-Quran tersebut. Terdapat warga tua yang tidak mampu membaca al-Quran tulisan '*Uthmānī*' walaupun mereka mahir dengan al-Quran tulisan *Bağhdādī*.

Semua pelajar dari kumpulan pertama mengakui bahawa, al-Quran tulisan '*Uthmānī*' membantu mereka membaca al-Quran dengan baik dan lancar. Hal ini berbeza dengan kumpulan kedua. Mereka sebenarnya tidak didedahkan dengan tulisan-tulisan al-Quran sehingga mereka tidak dapat mengambil manfaat langsung dari bentuk tulisan al-Quran. Dalam kumpulan dua hanya 4 orang pelajar sahaja yang memahami apa yang dimaksudkan dengan tulisan '*Uthmānī*' dan *Bağhdādī*. Ternyata, kefahaman mereka telah membantu mereka membaca al-Quran dengan baik dan sempurna.